

Akta Kanak-Kanak 2001 Lindungi Hak Kanak-Kanak

Seseorang kanak-kanak memerlukan perlindungan, pemeliharaan dan bantuan khas selepas kelahirannya bagi memastikan kanak-kanak tersebut dapat memberikan sumbangan dalam pembentukan masyarakat madani.

Setiap ibu bapa di Malaysia tidak boleh bertindak keras terhadap anak-anak mereka kerana terdapat undang-undang yang melindungi hak kanak-kanak. Undang-undang ini termaktub dalam Akta Kanak-Kanak 2001, iaitu suatu akta untuk menyatukan dan meminda undang-undang yang berhubungan dengan pemeliharaan, perlindungan dan pemulihan kanak-kanak dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dan bersampingan dengannya.

Demikian menurut Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Ustazah Dr. Nik. Salida Suhaila Nik Saleh. Jelasnya, dalam akta ini seseorang kanak-kanak, tanpa kematangan dari segi fizikal, mental dan emosi memerlukan perlindungan, pemeliharaan dan bantuan khas selepas kelahirannya bagi memastikan kanak-kanak tersebut dapat memberikan sumbangan dalam pembentukan masyarakat madani.

"Itu secara umumnya. Saya tidak merujuk kepada mana-mana enakmen negeri kerana enakmen negeri berbeza mengikut negeri jika melibatkan hal ehwal agama," tegasnya.



Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Ustazah Dr. Nik. Salida Suhaila Nik Saleh.



Didik Diri Sebelum Berkahwin

Walau bagaimanapun, Ustazah Dr. Nik. Salida Suhaila mengakui merotan seperti yang dianjurkan dalam Islam boleh mendisiplinkan anak-anak kerana ia dianggap sebagai suatu pengajaran dan peringatan sekiranya mereka melakukan kesalahan.

Namun begitu, sekiranya anak-anak sudah terbiasa dirotan atau dipukul oleh ibu bapa, rotan bukan lagi menjadi 'ancaman' bagi dirinya.

"Oleh sebab itu, ibu bapa perlu tahu kaedah dan kriteria merotan yang betul sebelum mengambil sesuatu tindakan agar ia selari dengan tuntutan Islam, bukannya melakukan tanpa ilmu dan dengan sesuka hati," tegasnya.

Oleh yang demikian, beliau menyarankan agar masyarakat menuntut ilmu kerukunan rumah tangga dan keibubapaan sebelum bergelar suami isteri atau menjadi ibu bapa supaya masing-masing tahu peranan dalam tugas mendidik anak-anak.

"Apa yang penting ialah untuk mendidik anak-anak mengikut acuan agama, sudah tentu ibu bapa sendiri sudah terdidik dan berilmu," jelasnya.



8 Garis Panduan Merotan Anak

Merotan merupakan tindakan terakhir yang patut diambil ibu bapa sekiranya anak-anak tidak patuh dan menunjukkan kedegilannya.

Mengupas mengenai isu merotan atau memukul anak-anak, Ustazah Dr. Nik. Salida

Suhaila Nik Saleh menegaskan Islam menyediakan satu garis panduan yang khusus buat ibu bapa untuk diikuti dalam merotan anak-anak. Garis panduan yang ditetapkan adalah seperti berikut:

1. Menggantungkan rotan di rumah

Buat permulaan, Rasulullah SAW menganjurkan kita agar memperlihatkan atau menggantung rotan di dinding rumah sebagai peringatan dan pengajaran pada anak-anak.

"Ibu bapa tidak boleh merotan anak-anak yang tidak pernah melihat rotan. Jika hari ini mereka dirotan dan ketika itu jugalah baru mereka 'mengenal' rotan, itu tidak adil bagi mereka. Oleh sebab itu, Rasulullah SAW menyuruh kita menunjukkan rotan di rumah sebagai tanda peringatan buat mereka untuk sentiasa melakukan kebaikan. Islam ini cantik sehinggakan perkara seumpama ini pun diambil kira," ujarnya.

2. Menarik Telinga

Sebelum tindakan merotan diambil, ada juga cara lain yang boleh dilakukan oleh ibu bapa untuk memberi pengajaran iaitu dengan cara menarik telinga.

"Sentuhan fizikal yang pertama adalah telinga. Dengan cara ini, anak-anak akan merasakan betapa sakitnya balasan daripada tindakannya itu sehingga layak untuk ditarik telinga," katanya.

3. Tidak Menembusi Daging

Alat yang digunakan untuk merotan hendaklah tidak boleh menembusi daging manusia. Rotan itu seharusnya hanya menimpa kulit sahaja dan tidak boleh mencederakan anak yang dirotan.

"Setiap pukulan yang boleh melukai daging dan menyebabkan mengelupasnya kulit, maka perkara tersebut bertentangan dengan hukum agama," jelasnya.

4. Tidak Boleh Mengangkat Ketiak

Pemukul atau perotan tidak boleh mengangkat kedua-dua ketiaknya untuk menghasilkan pukulan yang kuat.

"Jangan sampai kita memukul dengan seluruh kekuatan tangan yang dimiliki. Merotan dengan mengangkat ketiak akan menghasilkan pukulan yang tinggi dan jarak antara rotan dengan badan jauh menyebabkan pukulan yang dihasilkan kuat dan menyakitkan," katanya.



5. Maksimum 10 Kali

Had atau batasan merotan adalah tidak melebihi 10 kali. Jika lebih, ia bukan lagi merotan atas dasar untuk mendidik, tetapi untuk mencederakan anak-anak. Antara pukulan pertama dengan pukulan yang berikutnya, harus ada jarak waktu dan bukannya bertubi-tubi tanpa henti.

6. Pukul Di Bahagian Tapak Kaki

Kriteria tempat yang boleh dipukul adalah di bahagian tapak kaki kerana bahagian itulah yang paling tidak menyakitkan. Dalam hal ini kebanyakan ulama bersetuju bahawa memukul di bahagian wajah, kepala dan kemaluan adalah dilarang sama sekali kerana itu melibatkan maruah diri anak-anak.



7. Tempat Berbeza

Jika merotan lebih daripada sekali, pukulan tidak boleh dilakukan pada satu bahagian badan yang sama kerana ia akan mencederakan bahagian badan tersebut. Ia harus dikenakan pada bahagian badan yang berbeza yang dibenarkan dalam Islam.

8. Tidak Boleh Merotan Ketika Marah

Ibu bapa tidak digalakkan memukul atau merotan anak ketika sedang marah kerana perasaan kita ketika itu berlandaskan emosi dan berkemungkinan pukulan itu akan menyakitkan atau mencederakan anak-anak.

"Jika ini berlaku, ia tidak lagi merotan atas dasar memberi pendidikan atau pengajaran kepada anak-anak, tetapi untuk melepaskan kemarahan," katanya.

4 Fasa Pendidikan Anak-Anak

Ustazah Dr. Nik. Salida Suhaila Nik Saleh menyarankan ibu bapa agar mendidik anak-anak mereka melalui empat fasa pendidikan iaitu:

1. Sejak lahir sehingga enam tahun

Anak-anak pada peringkat ini perlu dibelai dan diberi penuh kasih sayang. Tiada istilah 'punishment' pada fasa ini.

2. Tujuh hingga 13 tahun

Bermula fasa ini, ibu bapa perlu mendidik anak-anak terutama mengenai kewajipan kepada Allah SWT. Fasa ini agak kritikal kerana selain mendidik, ibu bapa perlu mendisiplinkan dan memantapkan anak-anak dengan sesuatu perkara. Dalam fasa ini juga tindakan merotan dibolehkan iaitu pada umur 10 tahun setelah anak-anak masih lagi menunjukkan kedegilannya.

3. 14 hingga 21 tahun

Dalam tempoh usia remaja, ibu bapa perlu menjadi kawan kepada anak-anak dalam usaha untuk mendekati dan menyelami jiwa mereka. Fasa ini merupakan tempoh yang paling banyak konflik dalam diri anak-anak kerana peringkat ini mereka perlu belajar untuk berdikari. Pada fasa ini juga, rotan bukan lagi menjadi alat terbaik untuk mendidik. Sebaliknya, jika mereka melakukan kesalahan nasihatilah mereka sebagai seorang kawan dan jangan mengaibkannya di hadapan adik-beradik yang lain.

4. 22 tahun ke atas

Pada usia ini, anak-anak sudah menjadi dewasa, matang dan boleh hidup berdikari. Jika masih lagi melakukan kesilapan, nasihat atau teguran patut diberikan oleh ibu bapa kerana pada usia sebegini nasihat atau teguran dianggap sebagai suatu bentuk hukuman atau 'punishment'.

Ibu bapa perlu tahu peringkat-peringkat pendidikan anak-anak supaya tidak timbul konflik dalam mendidik anak-anak pada kemudian hari.